



**SIJIL PENYERTAAN INDUK
PELAN TAKAFUL KELUARGA
MUTIARA PLUS
KONGRES KESATUAN PEKERJA-
PEKERJA DI DALAM
PERKHIDMATAN AWAM
TKM0681**

Etika Takaful Berhad (266243D)
(Formerly known as
Takaful Nasional Berhad)
Level 19, Tower C
Dataran Maybank
No 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Malaysia

T +603 2297 3888
F +603 2297 3800
info@etika.com.my
www.etika.com.my

Etika Online 1300 13 8888

No. Kontrak Induk	:	TKM0681
Pemegang Kontrak	:	KONGRES KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM
Alamat	:	WISMA CUEPACS NO 34A TINGKAT 1 JALAN GAJAH OFF JALAN YEW PUDU 55100 WILAYAH PERSEKUTUAN
Tarikh Mula Kuatkuasa	:	01HB OGOS 2009
Pelan	:	MUTIARA PLUS
Ahli-Ahli yang Dilindungi	:	KONGRES KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM (Ahli-ahli yang menyertai Pelan Takaful Keluarga Mutiara Plus)
Skop Perlindungan (<i>rujuk jadual sumbangan & manfaat perlindungan</i>)	:	1. KEMATIAN BIASA / KEMALANGAN 2. KEILATAN MENYELURUH KEKAL BIASA / KEMALANGAN 3. MANFAAT KEILATAN SEPARA KEKAL 4. MANFAAT PERBELANJAAN PENGEBUMIAN 5. MANFAAT HARIAN WAD HOSPITAL 6. MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL
Jumlah Had Tanpa Pengunderaitan Kesihatan	:	RM0.00
Duti Setem	:	RM10.00

**KONTRAK INDUK
PELAN TAKAFUL KELUARGA MUTIARA PLUS**

Nombor Kontrak Induk : **TKM0681**

Sebagai pertimbangan kepada permohonan untuk Kontrak Induk Pelan Takaful Keluarga Mutiara Plus ini yang dibuat oleh:

**KONGRES KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DI DALAM
PERKHIDMATAN AWAM**
(kemudian ini disebut "Pemegang Kontrak Induk")

kepada

ETIQA TAKAFUL BERHAD
(kemudian ini disebut "Syarikat")

satu salinan yang dilampirkan bersama ini yang menjadi sebahagian daripadanya dan sebagai pertimbangan kepada bayaran Sumbangan Takaful oleh Pemegang Kontrak Induk bagi pihak semua Peserta kepada Syarikat, Syarikat DENGAN INI BERSETUJU MEMBAYAR kepada Pemegang Kontrak Induk suatu jumlah diperuntukkan di dalam ini tertakluk kepada semua syarat dan peruntukan Kontrak Induk apabila menerima bukti-bukti yang memuaskan akan kejadian yang berlaku yang mengakibatkan manfaat kena dibayar kepada peserta dilindungi seperti yang terkandung didalam Jadual Sumbangan dan Manfaat Perlindungan

Permohonan dan perakuan secara bertulis berserta segala maklumat atau butiran yang disampaikan dari masa ke semasa kepada Syarikat oleh Peserta-peserta dan Pemegang Kontrak Induk akan menjadi asas kontrak dan dianggap digabungkan di bawahnya.

MAKA DISAKSIKAN BERIKUTNYA KONTRAK INDUK ini ditandatangani bagi pihak Syarikat di Kuala Lumpur pada 30^{HB} JULAI 2009.


DIPERIKSA


.....
YUSRI MAHMUD
HEAD GROUP ADMINISTRATION
EMPLOYEE BENEFIT & MEDICAL

FASAL

1. TAKRIF

Dalam Kontrak Induk ini pada yang bersesuaian dengan kandungannya kata tunggal adalah termasuk kata jamak dan yang jamak adalah termasuk kata tunggal; perkataan yang membawa erti lelaki adalah terpakai bagi perempuan; dan setiap dari perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan berikut adalah mempunyai maksud-maksud berikut:-

- a) **"Syarikat"** adalah bermaksud **ETIQA TAKAFUL BERHAD**;
- b) **"Tarikh Kuatkuasa"** adalah termasuk tarikh ditetapkan bila Kontrak Induk Pelan Takaful Keluarga Mutiara Plus ini mula berkuatkuasa;
- c) **"Ahli Berkelayakan"** adalah bermaksud seseorang yang telah dibenarkan untuk menyertai Pelan Takaful Keluarga Mutiara Plus iaitu mereka yang telah menepati semua syarat dan keperluan yang dinyatakan dalam Fasal 2.1;
- d) **"Tarikh Penyertaan"** adalah bermaksud tarikh seorang Ahli Berkelayakan menjadi Peserta Pelan Takaful Keluarga Mutiara Plus yang dinyatakan dalam Fasal 2.2 ;
- e) **"Tarikh Tamat"** adalah bermaksud tarikh ditetapkan bagi tempoh penyertaan seseorang Peserta berakhir dalam Pelan Takaful Keluarga Mutiara Plus;
- f) **"Kontrak Induk"** adalah bermaksud perjanjian ini, perlindungan sampingan atau endorsmen di dalamnya, apa-apa pindaan kemudian ini yang ditandatangani oleh pihak Syarikat, Permohonan oleh Pemegang Kontrak Induk yang dilampirkan bersama ini, dan Borang-borang Permohonan Peserta yang menjadi kontrak keseluruhan di antara pihak-pihak yang terlibat;
- g) **"Peserta"** adalah bermaksud Ahli Berkelayakan yang telah menepati peruntukan-peruntukan yang ditetapkan dalam Fasal 2.2.

2. KELAYAKAN KEAHLIAN, PENYERTAAN DAN PENAMATAN PENYERTAAN

2.1 Kelayakan

Setiap ahli yang terikat dengan Pemegang Kontrak Induk ini serta sesiapa yang dibenarkan oleh pihak Koperasi/Organisasi akan layak menyertai Pelan Takaful Keluarga Mutiara Plus di bawah Kontrak Induk ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- a) Beliau telah mencapai umur 30 hari atau tidak lebih dari 58 tahun pada harijadi akan datang ;
- b) Dalam semua keadaan, umur matang Peserta tidak akan **melebihi 65 tahun** dan tertakluk kepada Fasal 2.3 ;
- c) Beliau telah memberi keterangan memuaskan yang membolehkan permohonannya diterima Syarikat dalam kaedah yang ditetapkan.

Syarikat berhak untuk meminda tawaran atau menolak permohonan jika ia didapati tidak memuaskan dari segi penanggunannya.

2.2 Penyertaan

- A)
 - i) Semua Ahli Yang Berkelayakan pada Tarikh Kuatkuasa boleh menjadi peserta;
 - ii) Setiap Ahli Yang Berkelayakan selepas Tarikh Kuatkuasa akan diperlindungi di bawah Kontrak Induk ini pada Tarikh Penyertaan beliau;
 - iii) Ahli yang penyertaannya ditamatkan dalam Fasal 2.3 dan memohon semula untuk menjadi ahli akan dianggap sebagai Ahli baru; dan
 - iv) Tarikh Penyertaan akan bermula pada bulan potongan sumbangan dibuat kepada pihak Syarikat;
 - v) Ahli yang telah berhenti dan mahu menyertai semula Pelan Takaful Keluarga Mutiara Plus ini akan di minta mengemukakan laporan pemeriksaan kesihatan oleh doktor untuk permohonannya dipertimbangkan dan tertakluk kepada Fasal 2.1 di atas.

- B)**
- i) Penyertaan minima untuk memulakan perlindungan ialah 50 orang.
 - ii) Pendaftaran ahli adalah dibuat melalui senarai nama yang dibekalkan kepada Etiqa Takaful melalui disket dan mengandungi maklumat seperti nama, nombor kad pengenalan, jantina, nombor ahli, tarikh lahir, bilangan penyertaan, sumbangan bulanan dan alamat pos.
 - iii) Pembayaran sumbangan dibuat oleh pemegang Kontrak Induk setelah mendapat senarai penyertaan (Billing) daripada Etiqa Takaful.

2.3 Penamatan Penyertaan

Penyertaan Peserta akan tamat serta merta apabila berlakunya salah satu daripada keadaan berikut yang mana terdahulu:-

- a) Peserta membuat serahan; atau
- b) Peserta mendapat Keilatan Kekal Menyeluruh; atau
- c) Peserta meninggal dunia; atau
- d) Tempoh penyertaannya tamat/matang; atau
- e) Beliau mencapai umur 65 tahun; atau anak peserta mencapai umur 23 tahun; atau
- f) Sumbangan tidak diterima oleh Syarikat secara disengajakan oleh Ahli bagi tempoh melebihi 30 hari; atau
- g) Apabila Kontrak Induk ini ditamatkan.

3. JUMLAH HAD TANPA PENGUNDERAITAN KESIHATAN

Jumlah had tanpa pengunderaitan kesihatan adalah jumlah keseluruhan perlindungan di Syarikat yang dibenarkan untuk menyertai skim tanpa perlu mengisi atau mengisytiharkan butir-butir kesihatan diri.

Perlindungan melebihi dari had yang dinyatakan adalah tertakluk kepada syarat-syarat pengunderaitan yang ditetapkan oleh Syarikat. Tanpa kelulusan bertulis daripada Syarikat, jumlah perlindungan hanya terhad kepada jumlah had tanpa pengunderaitan kesihatan dan caruman hanya dikenakan untuk jumlah ini.

Penerimaan risiko tanpa pengunderaitan adalah sehingga 0 unit penyertaan atau sumbangan RM0.00 sebulan.

4. MANFAAT KEMATIAN

Jika Peserta meninggal dunia sebelum tempoh penyertaannya tamat, Syarikat akan membayar Manfaat Takaful kepada Pemegang Kontrak Induk, iaitu Jumlah Amaun Perlindungan berserta Jumlah Wang terkumpul dalam Akaun Peserta dan keuntungannya.

4.1 Kekecualian Manfaat Kematian

Manfaat Kematian di bawah Kontrak Induk ini tidak akan dibayar jika ia disebabkan secara langsung atau tidak oleh:-

- a) Maklumat dan butir-butir yang diberitahu dan diisytiharkan oleh Peserta dalam Borang Permohonan Dan Perakuan adalah tidak benar dan tidak betul; atau
- b) Peserta memohon untuk menamatkan penyertaannya sebelum tarikh kematiannya; atau
- c) Kematian Peserta adalah disebabkan oleh perbuatan membunuh diri atau sengaja mencedera diri atau ketagihan minuman keras, narkotik atau dadah atau gila atau mengidap penyakit kelamin; atau
- d) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) dan apa-apa keadaan berkait dengan AIDS iaitu akibat dari tingkah laku dan perbuatan Peserta atas kerelaan sendiri; atau
- e) Pelanggaran undang-undang Sivil atau Syariah oleh Peserta.

5. MANFAAT KEILATAN KEKAL MENYELURUH

Jika Peserta mengalami Keilatan Kekal Menyeluruh sebelum tempoh penyertaannya tamat, Syarikat akan membayar Manfaat Keilatan Kekal Menyeluruh, beserta Jumlah Wang terkumpul dalam Akaun Peserta dan keuntungannya kepada Pemegang Kontrak Induk.

5.1 Takrif Keilatan Kekal Menyeluruh

Keilatan Kekal Menyeluruh adalah bermaksud keilatan sama ada disebabkan kecederaan anggota atau penyakit yang menghalang terus Peserta dari mencebur diri dalam apa-apa perniagaan, pekerjaan atau melakukan apa-apa kerja, untuk pampasan atau untung, dengan syarat bahawa untuk menentukan keilatan itu telah menjadi sesuatu yang kekal, ia mestilah berlaku berterusan tanpa terganggu selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan.

Hilangnya keseluruhan deria penglihatan di kedua-dua belah mata, atau kudungnya keseluruhan kedua-dua belah tangan pada atau di atas paras pergelangan atau kudungnya keseluruhan kedua-dua belah kaki pada atau di atas paras buku lali, atau kudungnya keseluruhan sebelah tangan pada atau di atas paras pergelangan dan keseluruhan sebelah kaki pada atau di atas paras buku lali, atau hilang deria penglihatan di sebelah mata dan kudungnya keseluruhan bahagian anggota pada atau di atas paras pergelangan atau buku lali adalah juga keilatan seumpamanya.

Perkataan "**keilatan**" bila-bila sahaja ia muncul selepas ini bermaksud **KEILATAN KEKAL MENYELURUH** seperti ditakrif dan dibataskan di atas

5.2 Syarat dan Peruntukan Manfaat Keilatan Kekal Menyeluruh

- a) Peserta tidak akan berkecualan untuk Manfaat Keilatan Kekal Menyeluruh jika;
 - (i) Peserta telah berumur 60 tahun; atau
 - (ii) Peserta, setelah dipertimbangkan permohonannya oleh Syarikat, didapati tidak layak atas sebab-sebab kesihatan atau terbabit dalam pekerjaan yang merbahaya.
- b) Sejurus selepas berlakunya Keilatan Kekal Menyeluruh, butir-butir sepenuhnya mestilah diberi secara bertulis kepada Syarikat dalam tempoh satu ratus lapan puluh hari (180). Syarikat mestilah telah diberikan bukti yang memuaskan tentang Keilatan Kekal Menyeluruh sebelum amaun perlindungan di bawah Manfaat ini boleh dibayar..
- c) Syarikat berhak melantik mana-mana penasihat perubatan untuk memeriksa diri Peserta itu bersabit Keilatan Kekal Menyeluruh dengan cara dan pada waktu yang sesuai.

- d) Kegagalan Peserta untuk memenuhi mana-mana peruntukan yang tersebut di atas, akan menyebabkan tuntutan Keilatan Kekal Menyeluruh akan menjadi tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan.
- e) Syarikat berhak menentukan bayaran manfaat ini samada secara berkala atau sekaligus.

Anak Peserta

- i) 2 minggu – kurang dari 6 tahun

Untuk Anak Peserta yang belum boleh melakukan sebarang 6 aktiviti utama yang tersenarai di bawah dengan sendiri dan berumur kurang dari 6 tahun, takrif keilatan kekal menyeluruh akan ditentukan oleh Pakar Perubatan yang bertauliah dan diiktiraf oleh Syarikat.

- ii) 6 tahun – kurang dari 16 tahun

Keilatan Kekal Menyeluruh untuk Anak Peserta yang berumur tidak kurang dari 6 tahun tetapi belum mencapai 16 tahun bermaksud keilatan yang menyebabkan Anak Peserta tidak boleh melakukan empat daripada enam aktiviti harian berikut tanpa memerlukan pertolongan orang lain, dengan syarat keilatan sedemikian berlarutan tidak kurang dari tempoh enam bulan.

- | | | |
|----------------------------|---|--|
| (i) Pembersihan, mandi | - | Keupayaan untuk membersihkan diri atau bersiram atau penggunaan cara yang lain untuk menjaga kebersihan diri. |
| (ii) Mengenakan pakaian | - | Keupayaan untuk mengenakan atau menanggalkan pakaian atau keupayaan untuk memasang atau menanggalkan peralatan pembedahan yang lazimnya dipakai. |
| (iii) Penggunaan bilik air | - | Keupayaan untuk melakukan yang berikut: berulang alik ke tandas; menggunakan tandas; memelihara kebersihan diri pada tahap yang normal. |
| (iv) Pengawalan | - | Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing samada dengan bantuan atau tanpa bantuan kateter, pad inkontinens atau lain-lain bantuan tiruan |

- | | | |
|----------------|---|--|
| (v) Penyusunan | - | Keupayaan untuk mengambil dan memakan makanan apabila ianya telah terhidang dan disediakan |
| (vi) Mobiliti | - | Keupayaan untuk naik atau turun dari kerusi atau katil. |

Pada masa yang sama, kehilangan kedua tangan, kedua kaki, satu tangan dan satu kaki, atau kedua belah mata turut disifatkan sebagai keilangan kekal menyeluruh, tanpa menimbulkan prasangka kepada sebab-sebab lain mengenai keilangan kekal menyeluruh. Kehilangan tangan dan kaki bererti putus pada atau di pergelangan tangan dan buku lali kaki; kehilangan mata bererti hilang daya penglihatan sepenuhnya dan tidak dapat dipulihkan semula.

iii) 16 tahun – 23 tahun

Untuk Anak Peserta yang telah mencapai umur 16 tahun dan belum mencapai umur 23 tahun yang tidak mampu melakukan atau melaksanakan sebarang kerja atau pekerjaan untuk mendapatkan gaji, upah atau keuntungan, takrif keilangan kekal menyeluruh membawa maksud yang sama seperti yang ditakrifkan untuk Peserta berumur antara 18 tahun dan 55 tahun di atas.

5.3 Kekecualian Manfaat Keilangan Kekal Menyeluruh

Manfaat Keilangan Kekal Menyeluruh ini tidak akan dibayar jika ia disebabkan secara langsung atau tidak oleh:-

- a) Keilangan yang wujud sebelum permulaan penyertaan; atau
- b) Pembabitan dalam kegiatan di dasar air yang memerlukan penggunaan bantuan alat pernafasan luaran, aktiviti mendaki gunung dan meluncur salji; atau
- c) Kecederaan anggota yang dialami oleh Peserta ketika terlibat dalam penerbangan bagi tujuan perdagangan, kegiatan teknikal, kegemaran, sebagai seorang ahli dari satu kumpulan anak-anak kapal atau sebarang kegiatan lain di udara; atau
- d) Kecederaan disebabkan oleh pembelahan nuklear, lakuran nuklear, bahan senjata nuklear atau pencemaran radioaktif; atau

- e) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, pertempuran-pertempuran (perang diisytihar atau tidak) atau perang saudara, darurat, rusuhan awam yang menjadi peringkat atau meningkat kepada pengambil-alihan kuasa umum, pemberontakan, penentangan, tentera merampas atau rampasan kuasa atau apa-apa tindakan orang bagi pihak atau berhubungan dengan mana-mana pertubuhan yang giat secara langsung ke arah menggulingkan mana-mana Kerajaan atau badan yang memerintah dengan paksaan, keganasan dan kekerasan; atau
- f) Tindakan bunuh diri atau mahu membunuh diri atau sengaja mencedera diri atau ketagihan minuman keras, narkotik atau dadah atau gila atau mengidap penyakit kelamin; atau
- g) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau apa-apa keadaan berkaitan AIDS iaitu akibat dari tingkah laku dan perbuatan Peserta atas kerelaannya sendiri; atau
- h) Perlanggaran undang-undang Sivil atau Syariah oleh Peserta ; atau
- i) Maklumat dan butir-butir yang diberitahu dan diisytiharkan oleh Peserta dalam Borang Permohonan Dan Perakuan adalah tidak benar dan tidak betul.

6. PEMBAYARAN SUMBANGAN TAKAFUL

Sumbangan Takaful yang ditunjukkan di dalam Jadual, akan dibayar setiap bulan oleh Pemegang Kontrak Induk bagi setiap Peserta. Peserta akan bersetuju semasa penyertaannya berkuatkuasa menyumbang sebanyak 45% dari sumbangan bulannya ke dalam Akaun Peserta sebagai pelaburan dan bersetuju menderma 55% dari sumbangan tersebut ke dalam Akaun Khas Peserta sebagai Tabarru' bagi tujuan perpaduan, keikhwanan, dan kerjasama sesama Peserta tertakluk kepada peruntukan dan syarat yang dijelaskan di dalam ini. Kadar sumbangan Takaful adalah seperti ditetapkan di dalam Jadual dan akan dikira genap kepada Ringgit Malaysia terhampir.

7. PELABURAN SUMBANGAN TAKAFUL DAN PENGAGIHAN KEUNTUNGAN

Syarikat akan melabur sumbangan Takaful yang telah dibayar oleh Peserta sejajar dengan ketetapan Syariah. Apa-apa keuntungan dihasilkan dari pelaburan bagi setiap bulan akan diagihkan selaras dengan dasar Al- Mudharabah pada nisbah berikut:-

- a) 80% akan dikreditkan ke dalam Akaun Peserta dan Akaun Khas Peserta; dan
- b) 20% akan dibayar kepada Syarikat.

8. PERBELANJAAN PENGURUSAN

Perbelanjaan pengurusan akan diambil dari Akaun Khas Peserta. Perbelanjaan pengurusan ini merupakan perbelanjaan yang berkaitan dengan operasi pelan ini kecuali perbelanjaan yang berkaitan dengan akaun pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat.

9. PENGELUARAN SEBAHAGIAN AKAUN PESERTA

Peserta boleh memilih untuk mengeluarkan sebahagian simpanan dalam Akaun Peserta (AP) tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- a) Pengeluaran pertama hanya boleh dibuat selepas **TIGA (3) TAHUN** penyertaan dengan tiada sumbangan tertunggak dalam tempoh tersebut.
- b) Kadar yang dibenarkan hanyalah **50%** daripada simpanan yang ada dalam Akaun Peserta (AP).
- c) Pengeluaran berikutnya hanya boleh dibuat selepas **tiga (3) tahun dari tarikh pengeluaran sebelumnya.**

10. SERAH HAK

Segala Pemberitahuan Serah Hak mestilah didaftar oleh Syarikat di Ibu Pejabatnya. Syarikat tidak akan terikat kepada tanggungan sebagai kesan dari tidak lengkap atau sahinya urusan serah hak tersebut.

11. SERAHAN

Peserta boleh memilih untuk menamatkan penyertaannya dan Manfaat yang boleh dibayar ialah jumlah wang yang terkumpul dalam Akaun Pesertanya beserta dengan keuntungannya.

12. PEMBAYARAN PADA PERSARAAN ATAU SIJIL MATANG

Apabila Peserta mencapai umur persaraan atau penyertaanya tamat beliau akan menerima jumlah wang yang terkumpul dalam Akaun Pesertanya berserta keuntungannya dan lebih bersih yang diputuskan oleh Aktuari Syarikat, jika ada, yang telah dimasukkan ke dalam Akaun Peserta itu setiap tahun.

13. TAKAFUL SEMULA

Syarikat mempunyai budi bicara bagi mendapatkan Takaful semula secukupnya dari sumber-sumber yang ia yakin sesuai bagi kepentingan Dana Takaful dan Peserta.

14. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

14.1 Kontrak

- a) Semua pernyataan yang dibuat oleh Pemegang Kontrak Induk, atau oleh Peserta dengan tiada unsur penipuan, adalah dianggap kenyataan-kenyataan dan bukan jaminan, dan tiada pernyataan akan membatalkan Pelan Takaful Keluarga Mutiara Plus ini, atau digunakan dalam pembelaan suatu tuntutan di bawahnya melainkan ianya bertulis;
- b) Hak-hak Pemegang Kontrak Induk atau Peserta di bawah Kontrak Induk ini tidak akan terjejas disebabkan apa-apa peruntukan selain dari yang termaktub di dalam Kontrak Induk ini atau di dalam salinan Permohonan Pemegang Kontrak Induk dilampirkan bersama-sama ini, atau di dalam permohonan keahlian Peserta, atau di dalam lain-lain dokumen yang menjadi sebahagian dari kontrak sepenuhnya; dan
- c) Tidak ada wakil/ejen yang diberi kuasa untuk meminda atau membetulkan Kontrak Induk ini, menerima sumbangan Takaful yang tertunggak atau melanjutkan tarikh jatuh bayaran sesuatu sumbangan Takaful, mengenyepikan apa-apa makluman atau bukti tuntutan diperlukan oleh Kontrak Induk ini, atau melanjutkan tarikh sebelum apa-apa makluman atau bukti demikian dikemukakan. Tidak ada perubahan di dalam Kontrak Induk ini akan menjadi sah melainkan diluluskan oleh Syarikat dan dengan persetujuan Pemegang Kontrak Induk dan dibuktikan dengan penurunan tandatangan di atasnya, atau dengan pembetulan yang bersama-sama ini ditandatangani oleh Syarikat dan Pemegang Kontrak Induk.

14.2 Perakuan Penyertaan

Syarikat akan mengeluarkan Perakuan Penyertaan melalui Pemegang Kontrak Induk untuk diserahkan kepada setiap Peserta yang mengesahkan Peserta seumpamanya telah menjadi ahli Pelan Takaful Keluarga Mutiara Plus.

14.3 Maklumat Diperlukan

- a) Pemegang Kontrak Induk akan menyenggara sebuah rekod berkaitan dengan setiap Peserta di bawah Kontrak Induk ini yang menunjukkan nama, jantina, umur dan tarikh lahir Peserta, tarikh penyertaannya, jumlah perlindungan pada tarikh penyertaan, dan lain-lain maklumat berkaitan yang perlu untuk melaksanakan tanggungjawab Kontrak Induk ini;
- b) Kesilapan perkeranian dalam menyimpan rekod-rekod ini tidak akan menyebabkan tidak sahnya sesuatu perlindungan Takaful yang pada sebaliknya adalah sah berkuatkuasa begitu juga meneruskan sesuatu perlindungan Takaful yang pada sebaliknya sah telah ditamatkan, tetapi apabila terjumpa akan kesilapan demikian, suatu penyelarasan yang saksama akan dibuat; dan
- c) Pemegang Kontrak Induk akan melengkapkan Syarikat dengan semua maklumat dan bukti yang Syarikat mungkin wajar memerlukan berhubung dengan perkara-perkara berkaitan dengan Kontrak Induk. Segala dokumen yang dikemukakan kepada Pemegang Kontrak Induk oleh seseorang Peserta bersabit dengan penyertaannya, dan rekod-rekod lain yang mungkin mempunyai pengaruh terhadap penyertaannya di bawah Kontrak Induk ini, akan dibuka untuk pemeriksaan oleh Syarikat pada bila-bila masa yang patut.

14.4 Undang-undang Yang Dipergunakan

Kontrak ini dan semua hak, tanggungjawab dan tanggungan berbangkit di bawah ini akan ditafsir dan ditentukan dan dikuatkuasa menurut Undang-Undang yang terlaksana di Malaysia.

PERLINDUNGAN TAMBAHAN

MANFAAT KEILATAN KEKAL SEPARA (PPD)

Syarikat dengan bukti yang memuaskan akan membayar Manfaat Keilatan Kekal Separa atas semua sebab kepada pemegang kontrak induk seperti peratusan berikut:-

<u>Perlindungan</u>	<u>Peratusan daripada jumlah Amaun Manfaat berdasarkan Jadual</u>
Hilang mata	- seluruh penglihatan 50%
	- penglihatan, kecuali persepsi cahaya 50%
Hilang 4 batang jari dan ibu jari sebelah tangan	50%
Hilang 4 batang jari sebelah tangan	50%
Hilang ibu jari	- kedua-dua ruas 25%
	- satu ruas 10%
Hilang jari telunjuk	- ketiga-tiga ruas 10%
	- kedua-dua ruas 8%
	- satu ruas 4%
Hilang jari tengah	- ketiga-tiga ruas 6%
	- kedua-dua ruas 4%
	- satu ruas 2%
Hilang jari manis	- ketiga-tiga ruas 5%
	- kedua-dua ruas 4%
	- satu ruas 2%
Hilang jari kelengkeng	- ketiga-tiga ruas 4%
	- kedua-dua ruas 3%
	- satu ruas 2%

Hilang tulang tapak tangan	- pertama atau kedua (tambahan)	3%
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
Hilang jari kaki	- kesemua jari sebelah kaki	15%
	- kedua-dua ruas ibu jari kaki	5%
	- satu ruas dari satu ibu jari kaki	2%
	- selain dari ibu jari, sekiranya lebih dari satu, tiap-tiap satu	1%
Hilang pendengaran	- kedua-dua belah telinga	75%
	- sebelah telinga	15%
Hilang Pertuturan		50%

Keilangan Sepenuhnya daripada apa-apa kegunaan tubuh badan adalah dianggap kehilangan bahagian tubuh badan itu.

Mana-mana Keilangan Kekal Separa yang tidak dimasukkan dalam senarai di atas, selain daripada deria rasa ataupun bau, Syarikat akan menilai peratusan daripada Keilangan di mana pada pandangan Syarikat adalah selaras dengan syarat-syarat di atas.

Jumlah keseluruhan peratusan yang dibayar kepada mana-mana Ahli Yang Dilindungi berikutan mana-mana kemalangan tidak akan melebihi 100% daripada manfaat kematian biasa. Sekiranya jumlah penuh 100% telah dibayar, keseluruhan perlindungan takaful Ahli Yang Dilindungi berkenaan di bawah Sijil ini akan dengan serta-merta diberhentikan. Lain-lain kehilangan yang kurang dari 100%, sekiranya dibayar akan mengurangkan jumlah Amaun Perlindungan Ahli Perlindungan Ahli Yang Dilindungi berkenaan mulai dari tarikh kemalangan hingga tamat sijil.

PERLINDUNGAN TAMBAHAN

1. MANFAAT PERBELANJAAN PENGEBUMIAN

Syarikat, dengan bukti Kematian Peserta akan membayar Manfaat Perbelanjaan Pengebumian kepada Pemegang Kontrak Induk, iaitu jumlah perlindungan yang telah dipersetujui seperti jadual sumbangan dan manfaat perlindungan. Salah satu dari dokumen-dokumen berikut dianggap sebagai bukti yang sah oleh Syarikat bagi membayar Manfaat Perbelanjaan Pengebumian:-

- a) Salinan Sijil Kematian yang disahkan,
- b) Salinan Permit Mengkuburkan yang disahkan,
- c) Salinan Surat Pengesahan Pegawai Perubatan dari mana-mana Hospital atau klinik yang berdaftar yang disahkan.

PERLINDUNGAN TAMBAHAN

1. MANFAAT HARIAN WAD HOSPITAL

Jika Peserta dimasukkan ke hospital atas sebab kemalangan atau penyakit, Syarikat akan membayar kepada Pemegang Kontrak Induk Manfaat Harian Wad Hospital seperti yang dipersetujui tertakluk kepada:

- a) jika disebabkan **penyakit**, Manfaat Harian Wad Hospital adalah layak diberikan apabila Peserta diwadkan di mana-mana **Hospital Yang Diiktiraf**.
- b) jika disebabkan **kemalangan**, Manfaat Harian Wad Hospital adalah layak diberikan apabila Peserta diwadkan di mana-mana **Hospital Yang Diiktiraf**.

1.1 Takrif

“**Hospital Kerajaan**” bererti mana-mana institusi awam yang beroperasi secara sah di sisi undang-undang **dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia** untuk menyediakan khidmat perubatan bagi diagnosa, pembedahan besar dan khidmat kejururawatan sepenuh masa dan tidak semestinya merupakan sebuah rumah penjagaan bagi pemulihan atau seumpamanya atau, selain daripada sebuah penempatan bagi penagih alkohol atau penagih dadah.

“**Hospital Yang Diiktiraf**” bererti mana-mana institusi awam dan swasta yang beroperasi secara sah di sisi undang-undang untuk menyediakan khidmat perubatan bagi diagnosa, pembedahan besar dan khidmat kejururawatan sepenuh masa dan tidak semestinya merupakan sebuah rumah penjagaan bagi pemulihan atau seumpamanya atau, selain daripada sebuah penempatan bagi penagih alkohol atau penagih dadah.

“**Satu tempoh keilangan**” bererti semua tuntutan yang disebabkan oleh kejadian yang sama. Jika Peserta keluar dari wad dan dimasukkan semula ke hospital dalam masa 90 hari, ianya akan dikira sebagai satu keilangan yang sama.

“**Kecederaan**” bererti kecederaan tubuh badan yang disebabkan secara langsung oleh kemalangan yang tidak disengajakan dan bebas daripada lain-lain sebab, yang mana, kecuali bagi kejadian lemas atau kecederaan dalaman yang dimaklumkan oleh bedah siasat, terdapat bukti yang dapat dilihat sama ada lebam atau luka pada anggota luar (kemudian daripada ini dipanggil kecederaan).

1.2 Syarat dan Peruntukan Manfaat Harian Wad Hospital

Manfaat Harian Wad Hospital ini hanya akan dibayar jika syarat dan peruntukan berikut dipenuhi: -

- a) Jika disebabkan penyakit, manfaat ini akan berkuatkuasa sekiranya Peserta diwadkan selepas 30 hari dari tarikh penyertaan beliau dalam Pelan Takaful Keluarga Mutiara Plus. Bagaimanapun, manfaat ini berkuatkuasa serta merta sekiranya Peserta diwadkan atas sebab kemalangan.
- b) Manfaat ini layak jika tempoh Peserta diwadkan selama 1 hari atau lebih (Minima 6 jam). Bagaimanapun, pembayaran manfaat bermula pada hari pertama Peserta diwadkan.
- c) Jumlah harian maksimum manfaat yang layak untuk **satu** kemasukan ialah 26 minggu, dengan syarat Peserta diwadkan ke hospital dalam masa 30 hari dari tarikh kejadian.
- a) Pemegang Kontrak Induk mesti memaklumkan kepada Syarikat dalam masa tidak lebih dari 90 hari selepas tarikh Peserta keluar dari hospital. Kegagalan memaklumkan kepada Syarikat tidak membatalkan tuntutan jika dapat dibuktikan bahawa Pemegang Kontrak Induk mempunyai sebab-sebab yang munasabah untuk tidak memaklumkan kepada Syarikat.

1.3 Kekecualian Manfaat Harian Wad Hospital

Syarikat tidak akan membayar manfaat ini jika Peserta dimasukkan ke hospital atas sebab-sebab berikut: -

- a) Mengandung, melahirkan anak, keguguran, pencegahan kehamilan atau penyakit yang berkaitan dengannya, pembedahan kosmetik untuk kecantikan atau pembedahan plastik, ketagihan minuman keras, narkotik atau dadah atau gila atau mengidap penyakit kelamin;
- b) Rawatan atau pembedahan ke atas keganjilan konjanintal atau kecacatan fizikal yang telah ada sewaktu dilahirkan; Rawatan tubuh badan untuk kecantikan; Rawatan peribadi semasa di hospital seperti bil telefon dan seumpamanya.
- c) Rawatan pergigian kecuali pembedahan pergigian akibat dari kecederaan dan kemalangan; Rawatan pemulihan anggota; Rawatan dan bantuan untuk kecacatan mata dan pendengaran; Rawatan/penjagaan pencegahan secara tetap, berkhatan, rawatan kemandulan; Rawatan psikologi.

- d) Kecelakaan yang diakibatkan oleh penglibatan Peserta dalam kegiatan ketenteraan, samada darat, udara atau air dan kegiatan dalam organisasi polis; Kecelakaan disebabkan oleh hilang akal atau mencederakan diri sendiri; Penyakit atau kecederaan akibat dari hobi dan aktiviti sukan merbahaya.
- e) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, pertempuran-pertempuran (perang diisytihar atau tidak) atau perang saudara, darurat, rusuhan awam yang menjadi peringkat atau meningkat kepada pengambil-alihan kuasa umum, pemberontakan, penentangan, tentera merampas atau rampasan kuasa atau apa-apa tindakan orang bagi pihak atau berhubungan dengan mana-mana pertubuhan yang giat secara langsung ke arah menggulingkan mana-mana Kerajaan atau badan yang memerintah dengan paksaan, keganasan dan kekerasan
- f) Perlanggaran undang-undang Sivil atau Syariah oleh Peserta

PERLINDUNGAN TAMBAHAN

MANFAAT PENYAKIT-PENYAKIT KRITIKAL

KONTRAK TAMBAHAN INI DIKELUARKAN sebagai balasan kepada bayaran sumbangan yang terpakai pada Kontrak Tambahan ini. Kontrak Tambahan ini dikeluarkan bersama-sama, tetapi tidak membentuk sebahagian daripada Kontrak Induk, dan hanya sah jika Kontrak Tambahan di atas tertera pada Jadual Kontrak bagi Kontrak Induk dan Kontrak Induk itu sedang dikuatkuasakan dan dilaksanakan sepenuhnya.

KONTRAK TAMBAHAN INI TERTAKLUK KEPADA Peruntukan Am dalam kontrak ini yang akan membentuk bahagian penting bagi Kontrak Tambahan ini dan dengan mematuhi dan memenuhi sewajarnya Peruntukan Am itu akan menjadi prasyarat bagi tanggungan Kami di bawah Kontrak Tambahan ini.

SEMASA KONTRAK TAMBAHAN INI DIKUATKUASAKAN, Kami akan, membayar Anda, Penama Anda atau mana-mana orang yang berhak padanya, jumlah Manfaat seperti yang tertera pada Jadual Manfaat dalam Kontrak Induk, setelah menerima bukti memuaskan bahawa Orang yang Dilindungi didiagnosis sebagai mengalami mana-mana satu daripada 36 penyakit kritikal yang disenaraikan dalam Lampiran A menurut terma yang dinyatakan kemudian dari ini.

Jika Peserta didiagnosis sebagai mengalami satu daripada 36 penyakit yang disenaraikan dalam lampiran, Syarikat akan membayar Manfaat Penyakit Kritikal selaras dengan syarat yang ditetapkan dalam kontrak.

Manfaat Perlindungan Penyakit Kritikal dibayar sekiranya penyakit kritikal yang major didiagnosis. Sekiranya peserta/orang yang dilindungi meninggal dunia setelah dibayar tuntutan manfaat penyakit kritikal maka bayaran amaun tuntutan kematian akan dibayar setelah ditolak bayaran manfaat penyakit kritikal sekiranya ada lebihan.

1.1 TAKRIF

Penyakit Kritikal bermaksud mana-mana penyakit kritikal yang ditetapkan dan ditakrifkan dalam Lampiran A.

1.2 PRASYARAT

Selain dan tanpa menjejaskan mana-mana terma dan peruntukan lain bagi rider Kontrak Tambahan ini, Kami, Syarikat tidak akan mempunyai apa-apa obligasi atau tanggungan untuk membayar apa-apa tuntutan di bawah rider Kontrak Tambahan ini melainkan semua keadaan yang berikut memuaskan:-

Selepas Orang yang Dilindungi didiagnosis sebagai Peserta yang mengalami Penyakit Kritikal, Anda, sebagai Syarikat hendaklah memberitahu Kami perkara tersebut dalam tempoh 60 hari dari tarikh diagnosis atau secepat yang boleh dilakukan; jika tidak Syarikat tidak akan bertanggungjawab.

Tuntutan Penyakit Kritikal yang dibuat hendaklah didiagnosis oleh Pengamal Perubatan dan hendaklah disokong oleh bukti klinikal, radiologi, histologi dan makmal yang Kami terima sebagai Syarikat dan; semua bukti perubatan dan bukti lain seumpamanya yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah diberikan atas perbelanjaan Anda sebagai Peserta.

Jika Kami perlukan, sebagai Syarikat, Peserta/Orang yang Dilindungi mestilah menjalani pemeriksaan perubatan oleh Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Syarikat berkaitan dengan Penyakit Kritikal bagi tuntutan yang telah dibuat;

Pada masa tuntutan Penyakit Kritikal dibuat, keadaan penyakit mestilah mengancam nyawa.

- a) Syarikat hendaklah dibekalkan dengan keputusan mana-mana ujian HIV lain ke atas Peserta jika Syarikat meminta berbuat demikian.
- b) Syarikat tidak akan bertanggung bagi bayaran Manfaat jika terdapat kegagalan mematuhi mana-mana syarat di atas.

1.3 PENGECUALIAN

Kami, sebagai Syarikat tidak akan bertanggung jika Penyakit Kritikal wujud sebelum atau pada tarikh pengeluaran Kontrak Asas atau rider Kontrak Tambahan ini, atau pada tarikh pengembalian semula atau dalam tempoh 30 hari selepas itu.

Syarikat tidak akan bertanggung jika Penyakit Kritikal itu disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan yang disengajakan, semasa siuman atau tidak siuman.

Kami, sebagai Syarikat tidak akan bertanggung jika Penyakit Kritikal itu disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh gangguan fizikal atau kesihatan atau penyakit yang wujud sebelum atau pada tarikh pengeluaran Kontrak Asas atau rider Kontrak Tambahan ini atau pada mana-mana tarikh pengembalian semula.

Rider Kontrak Tambahan ini tidak melindungi mana-mana penyakit atau kejadian selain yang dinyatakan dan yang ditentukan terdahulu dari ini dalam Lampiran A, dan ia juga tidak melindungi mana-mana Penyakit Kritikal, gejala yang wujud sebelum tarikh pengeluaran Kontrak Induk atau rider Kontrak Tambahan ini atau tarikh pengembalian semula, atau dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh rider ini dikeluarkan atau dikembalikan semula.

Peserta/Orang yang Dilindungi mestilah telah mengalami Penyakit Kritikal selama sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum apa-apa tuntutan boleh dibayar. Jika Peserta/Orang yang Dilindungi meninggal dunia akibat Penyakit Kritikal dalam tempoh 30 hari dari tarikh diagnosis, tiada apa-apa yang akan dibayar di bawah rider Kontrak Tambahan ini.

LAMPIRAN A

TAKRIF

DIAGNOSIS - hendaklah bermaksud diagnosis definitif yang dibuat oleh Pakar Perubatan (seperti yang ditakrifkan di bawah) berdasarkan bukti khusus seumpamanya seperti yang diperlukan dalam takrif bagi setiap Penyakit Dilindungi seperti yang disenaraikan di bawah dengan disokong oleh bukti radiologi, klinikal, histologi atau makmal yang boleh Kami terima.

Jika terdapat apa-apa keraguan tentang kesesuaian atau ketepatan diagnosis, Kami akan membuat pemeriksaan semula ke atas Peserta/Orang yang Dilindungi dan/atau apa-apa bukti yang digunakan semasa membuat diagnosis tersebut, oleh pakar perubatan yang Kami lantik dan pendapat pakar perubatan tersebut dalam diagnosis tersebut akan mengikat Peserta/Orang yang Dilindungi dan Kami.

PAKAR PERUBATAN – Hendaklah bermaksud pengamal perubatan yang berdaftar sepenuhnya, mempunyai kelayakan dalam bidang Perubatan Barat tetapi tidak termasuk pengamal perubatan yang menjadi Peserta/Orang yang Dilindungi itu sendiri, suami/isteri, saudara-mara, rakan kongsi perniagaan, rakan sekerja, rakan sekutu, atau pekerja dan/atau majikan Peserta/Orang yang Dilindungi.

PENYAKIT-PENYAKIT KRITIKAL YANG DILINDUNGI:

1. Serangan Jantung

Kematian sebahagian otot jantung (miokardium) akibat bekalan darah yang tidak mencukupi dan ditandai oleh:-

- (a) Sejarah sakit dada yang tipikal
- (b) Perubahan Elektrokardiogram Baru yang disebabkan oleh kejadian ini, dan
- (c) Peningkatan enzim Kardium (CPK-MB) melebihi tahap biasa makmal yang diterima umum.

Diagnosis yang berdasarkan semata-mata pada peningkatan ujian Troponine T tidak akan dianggap sebagai satu diagnosis serangan jantung.

2. Strok

Ditakrifkan sebagai suatu kejadian serebrovaskular yang menyebabkan sekuela neurologi yang bersifat kekal, yang berlanjutan tidak kurang daripada enam bulan. Termasuk infarksi tisu otak, pendarahan dan embolisasi daripada suatu sumber ekstrakranial. Diagnosis mesti berdasarkan perubahan yang dilihat dalam imbasan CT atau MRI dan diperakui oleh seorang pakar neurologi.

Gejala serebrum akibat serangan iskemia sementara, sebarang defisit neurologi iskemia berbalik, iskemia verterbrobasilar, gejala serebrum akibat migrain, kecederaan serebrum yang disebabkan oleh trauma atau hipoksia dan penyakit vaskular yang menjejaskan mata atau saraf optik atau fungsi vestibular dikecualikan secara khusus.

3. Kanser

Manifestasi tumor malignan, yang dicirikan melalui pertumbuhan dan perebakan sel malignan yang tidak terkawal dan invasi tisu. Istilah kanser termasuklah leukemia (selain leukemia limfositik kronik) dan penyakit Hodgkin. Diagnosis hendaklah disokong oleh bukti histologi bagi malignansi. Semua kanser kulit kecuali melanoma malignan, semua tumor yang diterangkan secara histologi sebagai pramalignan atau hanya menunjukkan perubahan malignan awal, kanser-in-situ, penyakit Hodgkin peringkat I dan kanser papilari pada pundi kencing dikecualikan.

4. Penyakit Arteri Koronari

Dengan syor Pakar Perunding Kardiologi, menjalani pembedahan jantung terbuka bagi membetulkan arteri koronari yang mengecil atau tersumbat dengan graf pintasan. Bukti angiografi bagi penyakit sebenar hendaklah diberikan. Angiografi dan Pengkateteran Kardium dikecualikan.

5. Pembedahan Aorta

Menjalani pembedahan bagi aorta yang berpenyakit yang memerlukan eksisi dan penggantian aorta yang berpenyakit dengan graf. Aorta di sini merujuk aorta toraks dan abdomen sahaja.

6. Pemindahan Organ Utama

Menjalani pemindahan, sebagai penerima jantung (termasuk jantung mekanikal), paru-paru, hati, pankreas atau sumsum tulang.

7. **Koma**

Keadaan tidak sedarkan diri tanpa tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman yang berlaku secara berterusan, dengan penggunaan sistem sokongan hayat bagi tempoh selama sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam dan mengakibatkan defisit neurologi kekal. Bukti defisit neurologi kekal hendaklah diserahkan mengikut kehendak Kami.

8. **Lumpuh/Paraplegia**

Hilang secara kekal dan menyeluruh penggunaan dua anggota badan atau lebih. Bukti perubatan yang diterima bagi mengesahkan penyakit lumpuh itu hendaklah diberikan.

9. **Sklerosis Berbilang**

Diagnosis tepat oleh pakar perunding neurologi bagi Sklerosis Berbilang dan disokong dengan bukti klinikal bagi lebih daripada satu defisit neurologi yang ditentukan dengan jelas, dengan tanda berterusan yang melibatkan saraf optik, pangkal otak dan saraf tunjang serta gangguan koordinasi dan fungsi motor dan penderia, yang berterusan selama sekurang-kurangnya enam bulan.

10. **Kegagalan Buah Pinggang (Renal)**

Peringkat akhir kegagalan buah pinggang disebabkan oleh walau apa jua sebab, ditunjukkan sebagai kegagalan tak berbalik kronik bagi kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, dan akibat daripada itu dialisis ginjal secara tetap digunakan atau pemindahan buah pinggang dijalankan.

11. **Hepatitis Virus Fulminan**

Diagnosis kegagalan hati yang dicirikan melalui nekrosis hati yang teruk yang disebabkan oleh virus Hepatitis Fulminan. Kriteria diagnostik berikut hendaklah dipenuhi:

Pengecilan saiz hati secara mendadak;

Nekrosis yang melibatkan keseluruhan lobul dan meninggalkan hanya rangka kerja yang merosot; Fungsi hati yang merosot secara mendadak; dan Demam kuning yang semakin teruk.

Walau bagaimanapun, diagnosis penyakit ini dikecualikan jika diagnosis tersebut disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh cubaan membunuh diri, keracunan, dadah melebihi dos dan pengambilan alkohol secara berlebihan.

12. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer

Bermaksud hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ventrikel kanan yang cukup besar yang ditentukan oleh penyiasatan termasuk pengkateteran kardium, yang menyebabkan kerosakan fizikal tidak boleh berbalik kekal sehingga sekurang-kurangnya kelas 4 mengikut Pengelasan Kerosakan Kardium Persatuan Jantung New York dan menyebabkan Hayat Insured tidak boleh melakukan kerja biasanya

13. Hilang Penglihatan

Hilang penglihatan secara kekal dan menyeluruh pada kedua-dua belah mata sama ada penglihatannya sudah dibetulkan atau tidak dibetulkan. Bukti perubatan yang diterima bagi mengesahkan hilang penglihatan hendaklah diberikan.

14. Hilang Pendengaran

Hilang pendengaran secara menyeluruh dan tak berbalik pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan yang diterima bagi mengesahkan hilang pendengaran hendaklah diberikan.

15. Hilang Pertuturan

Hilang keupayaan bertutur secara menyeluruh dan tak berbalik disebabkan oleh kerosakan fizikal pada pita suara. Bukti perubatan yang diterima bagi mengesahkan hilang pertuturan hendaklah diberikan.

16. Luka Terbakar Teruk

Luka terbakar Darjah Ketiga meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) permukaan tubuh.

17. Trauma Kepala Utama

Kecederaan kepala akibat kemalangan yang menyebabkan kerosakan serebrum (seperti yang ditunjukkan melalui teknik pengimbasan atau pengimejan moden dan disahkan oleh pakar perunding neurologi) yang mengakibatkan gangguan fungsian kekal dan keupayaan melakukan sekurang-kurangnya tiga daripada aktiviti kehidupan harian berikut tanpa bantuan:

Mandi, memakai pakaian, makan, keupayaan duduk atau bangun dari katil atau kerusi dan mengawal fungsi usus atau pundi kencing secara terkawal, sama ada dengan atau tanpa menggunakan kelengkapan mekanikal, peranti khas atau alat bantu atau alat penyesuai lain bagi orang hilang upaya.

Bagi tujuan Manfaat ini perkataan “kekal” bermaksud tidak ada harapan untuk sembuh dengan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa.

18. Penyakit Terminal

Hayat insured mesti menghadapi suatu penyakit, yang pada pendapat seorang pakar runding perubatan yang berkenaan, berkemungkinan sekali akan membawa kepada kematian dalam tempoh 12 bulan. Insured mesti tidak lagi menerima rawatan aktif selain daripada rawatan untuk melegakan kesakitan.

19. Tumor Otak Benigna

Tumor bukan kanser pada otak. Sista, granuloma, malformasi dalam, atau pada arteri atau vena otak, hematoma dan tumor pada kelenjar pituitari atau spina dikecualikan.

20. Penyakit Parkinson

Diagnosis tepat oleh pakar perunding neurologi bagi Penyakit Parkinson Idiopatik (agitasi kelumpuhan) yang memerlukan rawatan dengan menggunakan prekursor dopamin. Semua bentuk Parkinsonisma lain dikecualikan

21. Penyakit Paru-Paru Kronik

Kegagalan pernafasan peringkat akhir termasuk penyakit paru-paru interstitial kronik. Kriteria berikut mesti dipenuhi:

- (a) Memerlukan terapi oksigen kekal disebabkan keputusan ujian FEV 1 yang kurang daripada 1 liter. (Volum Ekspiratori Paksa semasa saat pertama penghembusan paksa)
- (b) Analisis Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang Dyspnoea semasa rehat.

22. Penyakit Hati Kronik

Diagnosis penyakit hati peringkat akhir seperti yang dibuktikan oleh semua yang berikut:

Demam kuning yang kekal
Asites; dan
Ensefalopati

Penyakit hati sekunder yang disebabkan oleh alkohol atau salah guna dadah dikecualikan.

23. Penyakit Neuron Motor

Diagnosis tepat oleh pakar perunding neurologi bagi Penyakit Neuron Motor. Etiologi penyakit tidak diketahui dan ia dicirikan melalui kemerosotan yang progresif pada salur kortikospina dan sel tanduk luar atau neuron eferen bulba. Ini termasuk distrofi otot spina, palsi bulba progresif, sklerosis lateral amiotrofik dan sklerosis lateral primer.

24. Penyakit Aizheimer

Keadaan dementia prasenil yang disebabkan oleh kemerosotan atau hilang keupayaan intelek seperti yang dibuktikan oleh keadaan klinikal dan soal selidik piawai yang diterima, ujian atau kelakuan abnormal bagi Penyakit Aizheimer, dan gangguan degeneratif organik tak berbalik yang mengakibatkan penurunan mental dan fungsi sosial yang ketara untuk melakukan sendiri tiga daripada aktiviti kehidupan harian yang berikut atau lebih.

Aktiviti kehidupan harian adalah:

Bergerak dan Mobiliti – keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang bersebelahan atau dari satu tempat ke tempat lain di dalam bilik atau duduk atau bangun dari katil atau kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal orang lain.

Kontinens: keupayaan untuk mengawal fungsi pundi kencing dan usus secara terkawal untuk menjaga kebersihan diri.

Pakaian – memakai dan menanggalkan semua bahagian pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.

Tandas – masuk dan keluar dari tandas, duduk dan bangun dari mangkuk tandas dan kebersihan diri yang berkaitan.

Makan – melakukan semua pergerakan untuk memakan makanan yang telah disediakan.

Bagi tujuan Manfaat ini perkataan “kekal” bermaksud tidak ada harapan untuk sembuh dengan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa.

Penyakit neurosis dan psikotik dikecualikan.

25. Angioplasti Dan Rawatan Invasif Lain Bagi Penyakit Arteri Koronari

Bermaksud perjalanan sebenar buat pertama kali Angioplasti Belon Arteri Koronari, arterektomi, rawatan laser atau penyisipan suatu sten untuk membetulkan satu atau lebih arteri koronari yang menjadi sempit atau tersumbat. Prosedur siasatan intraarteri dikecualikan. Pembayaran di bawah ini adalah terhad kepada 10% daripada perlindungan Penyakit Merbahaya di bawah polisi ini, tertakluk kepada maksimum RM5,000. Faedah ini hanya boleh dibayar sekali sahaja dan akan dipotong daripada

amaun kontrak ini, dan dengan itu mengurangkan amaun bayaran sekaligus yang boleh dibayar di bawah ini.

Bukti perubatan hendaklah termasuk semua yang berikut:

- (a) Bukti perubahan ECG yang penting dan relevan (depresi segmen ST sebanyak 2 milimeter atau lebih) dan
- (b) Bukti angiografik untuk mengesahkan lokasi stenosis

Faedah ini akan tamat apabila satu Bayaran Terhad telah dibuat.

26 Hilang Keupayaan Diri/Bebas

Pengesahan oleh pakar perunding perubatan bagi hilang keupayaan diri yang menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada aktiviti kehidupan harian berikut:

Mandi, memakai pakaian, makan, keupayaan duduk atau bangun dari katil atau kerusi dan mengawal fungsi usus atau pundi kencing secara terkawal, sama ada dengan atau tanpa menggunakan kelengkapan mekanikal, peranti khas atau alat bantu atau alat penyesuai lain untuk orang hilang upaya.

27. Radang Otak -Ensefalitis

Inflamasi bahan otak yang teruk yang mengakibatkan sekuela neurologi yang ketara dan kekal seperti yang disahkan oleh Pakar Perunding Neurologi yang memuaskan persatuan/syarikat. Ensefalitis akibat jangkitan HIV dikecualikan.

28. Sindrom Apalik

Diagnosis tepat oleh pakar perunding neurologi bagi Sindrom Apalik (nekrosis universal pangkal otak masih baik). Keadaan ini hendaklah didokumentasikan secara perubatan sekurang-kurangnya selama satu bulan.

29. Poliomyelitis

Diagnosis tepat oleh pakar perunding neurologi bagi jangkitan virus polio yang menyebabkan penyakit lumpuh seperti yang dibuktikan melalui gangguan fungsi motor atau kesukaran bernafas.

Kes yang tidak melibatkan lumpuh tidak layak untuk menerima Manfaat ini. Punca lumpuh yang lain dikecualikan.

30. Rawatan Laser Koronari

Menjalani rawatan laser untuk membetulkan kesempitan atau sumbatan dua atau lebih arteri koronari atau saluran utama arteri koronari kiri atau arteri koronari ketiga bahagian atas menurun (left upper coronary artery descending) di mana terjadi penyempitan tidak kurang dari tujuh puluh peratus (70%)

31. Distrofi Otot

Diagnosis distrofi otot memerlukan pengesahan oleh seorang pakar runding neurologi berkenaan dengan gabungan 3 daripada 4 keadaan berikut:

- (a) Sejarah keluarga individu lain yang terjejas
- (b) Penyampaian klinikal termasuk ketiadaan gangguan deria, cecair serebrospina biasa dan pengurangan refleks tendon sederhana
- (c) Elektromiogram biasa
- (d) Kesangsian klinikal disahkan dengan biopsi otot

Kanak-kanak dikecualikan daripada takrif tersebut.

32. Atherectomi Koronari

Menjalani prosedur atherectomi untuk rawatan penyakit Koronari Arteri yang tidak terkawal melalui rawatan perubatan terapi berikutan nasihat pakar jantung. Bukti pemeriksaan Pembuluh Darah (Angiographic) untuk penyakit yang berkaitan diperlukan.

33. Anaemia Aplastik

Kegagalan sumsum tulang yang didiagnosis oleh pakar hematologi sebagai aplastik yang mengakibatkan anemia, neutropenia dan trombositopenia yang memerlukan rawatan dengan salah satu yang berikut:

Pemindahan produk darah

Agen perangsang sumsum

Agen immunosupresif

Pemindahan sumsum tulang

34. Meningitis Bakteria

Diagnosis tepat oleh pakar perunding neurologi bagi Meningitis Bakteria yang menyebabkan inflamasi membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan defisit neurologi kekal.

35. Penyakit Paru-Paru Peringkat Akhir

Kecacatan kekal fungsi pernafasan disebabkan oleh kedua-dua yang ternyata seperti di bawah:-

- (a) Penurunan berterusan kapasiti kurang 50% dari jangkaan dan / atau jumlah bilangan pernafasan sesaat (Tiffeneau respiratory test) di bawah jangkaan kurang dari 50% yang berterusan
- (b) Penurunan berterusan keupayaan ketegangan oksigen di dalam arteri (PaO_2) di bawah paras 60 mmHg dan peningkatan dalam ketegangan Karbon Dioksida (PaCO_2) melebihi 50 mmHg

36. Penyakit Arteri Koronari yang Serius

Pengecilan lumen bagi sekurang-kurangnya tiga arteri koronari dengan minimum tujuh puluh lima peratus (75%). Bukti angiografi bagi penyakit sebenar hendaklah diberikan.

Jadual Sumbangan dan Manfaat Perlindungan
KONGRES KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM
Pelan Takaful Keluarga Mutiara Plus

SUMBANGAN BULANAN (RM)	KEMATIAN		KEILATAN MENYELURUH KEKAL		KEILATAN SEPARA KEKAL (SEMUA SEBAB) (RM)	PERBELANJAAN PENGEBUMIHAN (RM)	MANFAAT HARIAN WAD HOSPITAL (RM)	MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL (RM)
	BIASA (RM)	KEMALANGAN (RM)	BIASA (RM)	KEMALANGAN (RM)				
10	10,000	20,000	10,000	20,000	10,000	2,000	10	10,000
20	20,000	40,000	20,000	40,000	20,000	2,000	20	20,000
30	30,000	60,000	30,000	60,000	30,000	2,000	30	30,000
40	40,000	80,000	40,000	80,000	40,000	2,000	40	40,000
50	50,000	100,000	50,000	100,000	50,000	2,000	50	50,000
60	60,000	120,000	60,000	120,000	60,000	2,000	60	50,000
70	70,000	140,000	70,000	140,000	70,000	2,000	70	50,000
80	80,000	160,000	80,000	160,000	80,000	2,000	80	50,000
90	90,000	180,000	90,000	180,000	90,000	2,000	90	50,000
100	100,000	200,000	100,000	200,000	100,000	2,000	100	50,000

AP = Akaun Peserta

Sumbangan Takaful yang ditunjukkan di dalam Jadual di atas akan dibayar setiap bulan oleh Pemegang Kontrak Induk setiap Peserta. Peserta akan bersetuju semasa penyertaannya berkuatkuasa menyumbang sebanyak **45%** dari sumbangan bulanan ke dalam **Akaun Peserta** sebagai pelaburan dan bersetuju menderma **55%** dari sumbangan tersebut ke dalam **Akaun Khas Peserta** sebagai Tabarru' bagi tujuan perpaduan, keikhwanan dan kerjasama sesama Peserta tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang dijelaskan di dalam kontrak ini.